

07 JUL 1998

Mahathir-Singapura

M'SIA AKAN BERI AIR KEPADA S'PURA TETAPI DENGAN SYARAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia telah bersetuju pada dasarnya untuk membekalkan air ke Singapura tetapi dengan syarat-syarat tertentu.

"Kita telah memberi jaminan kepada mereka yang kita akan memberikan air kepada mereka tetapi perlulah ada syarat-syarat tertentu bagi pembekalannya," kata beliau.

Tanpa menyebut syarat-syarat itu, Perdana Menteri berkata: "Kita belum dapat mencapai persetujuan mengenai butirannya sahaja. Pada dasarnya kita telah mencapai persetujuan."

"Sebagaimana yang kita tahu, antara negeri-negeri di Malaysia pun kita menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah membekalkan air dari satu negeri ke negeri lain," kata beliau pada persidangan berita selepas melancarkan perayaan 100 tahun Pendaftar Syarikat di sini.

Beliau telah diminta mengulas pertemuannya dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di sini pada Februari lepas. Pada pertemuan itu kedua-dua pemimpin itu dilaporkan telah membincangkan soal bekalan air itu.

Menteri Luar Singapura S. Jayakumar memberitahu Parlimen minggu lepas bahawa beberapa isu dalam hubungan dua hala Singapura-Malaysia masih belum selesai.

Ini termasuk isu bekalan air yang Singapura dilaporkan meminta syarat-syarat yang mempunyai kuatkuasa undang-undang apabila perjanjian yang ada sekarang tamat tempohnya pada tahun 2011 dan 2061.

Singapura memperoleh kira-kira separuh daripada keperluan airnya dari Johor mengikut dua perjanjian yang ada sekarang.

Dr Mahathir berkata: "Perkara yang dipersetujui itu adalah perkara yang dipersetujui, tetapi perjanjian merupakan soal lain.

"Perkara yang dipersetujui itu belum disahkan. Kita bukan sahkan, itu sama ada pada peringkat Kabinet atau peringkat Parlimen. Ia melibatkan hubungan antara dua negara dan kita tidak boleh mengubah perjanjian tanpa merujuk kepada Parlimen."

Ketika ditanya sama ada isu bekalan air itu ada kaitannya dengan isu Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) yang melibatkan kira-kira 200,000 rakyat Malaysia yang bekerja di republik itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak bagaimana kedua-dua isu itu boleh dikaitkan.

Rabu lepas Kabinet Malaysia menggesa Singapura supaya membenarkan rakyat Semenanjung Malaysia, yang tidak lagi bekerja di republik itu atau diberhentikan kerja, untuk mengeluarkan simpanan mereka dalam CPF.

CPF, yang dilaporkan memegang lebih daripada RM1 billion simpanan rakyat Malaysia, hanya membenarkan rakyat Semenanjung Malaysia mengeluarkan kesemua simpanan apabila mencapai umur 55 tahun manakala mereka dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan mereka setelah menamatkan kontrak pekerjaan mereka di republik itu.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) juga telah ditanya mengenai kekalahan BN pada pilihan raya kecil Parlimen kawasan Arau, Perlis pada Sabtu lepas.

Perdana Menteri berkata post-mortem akan dijalankan bagi mengetahui sebab-sebab kekalahan itu.

"Saya baru dengar khabar-khabar angin sahaja dan berita-berita tidak rasmi, oleh itu saya belum boleh buat komen," katanya.

Calon PAS Hashim Jasin mengalahkan calon BN Ismail Kassim dengan majoriti 1,323 undi pada pilihan raya kecil itu yang diadakan berikutan

kematian anggota Parlimen daripada BN Kamaruddin Ahmad pada 25 Mei lepas.  
-- BERNAMA  
MNY rn NMO